

NOTIS PENTING**Perubahan Kadar Keuntungan Kad Kredit-i Bank Islam**

Ahli Kad-i Yang Dihargai,

Dimaklumkan bahawa kadar keuntungan bagi Kad Kredit-i Bank Islam akan disemak semula **berkuat kuasa 1 Ogos 2026 bagi Ahli Kad-i baharu dan 1 September 2026 bagi Ahli Kad-i sedia ada**, seperti berikut:

Kategori (Berdasarkan Rekod Pembayaran Ahli Kad-i)	Kadar Semasa	Kadar Keuntungan Baharu (Berkuat Kuasa 1 Ogos 2026 / 1 September 2026)
Peringkat 1: Bayaran minimum dibuat tepat pada masanya selama 12 bulan berturut-turut	13.5% setahun	15.0% setahun
Peringkat 2: Bayaran minimum dibuat tepat pada masanya selama 10 atau 11 bulan dalam tempoh 12 bulan yang lalu	16.0% setahun	17.0% setahun
Peringkat 3: Bayaran minimum dibuat tepat pada masanya selama 9 bulan atau kurang dalam tempoh 12 bulan yang lalu	17.5% setahun	18.0% setahun

NOTA:

- Bagi Ahli Kad-i sedia ada, kadar keuntungan yang terpakai akan ditentukan berdasarkan rekod pembayaran sepanjang tempoh 12 bulan terdahulu, khususnya bilangan bulan di mana bayaran minimum dibuat tepat pada masanya.
- Untuk menikmati kadar keuntungan yang lebih rendah, Ahli Kad-i digalakkan untuk membuat bayaran minimum tepat pada masanya dan mengekalkan sekurang-kurangnya 10 bulan pembayaran tepat pada masanya dalam tempoh 12 bulan yang lalu, sekaligus melayakkan mereka untuk menikmati kadar Peringkat 1 atau Peringkat 2.
- Kriteria pengelasan peringkat kekal tidak berubah. Semakan ini hanya melibatkan struktur kadar keuntungan dan tidak menjejaskan syarat kelayakan bagi setiap peringkat.
- Perubahan ini dibuat selaras dengan keadaan pasaran semasa.
- Terma dan Syarat lain kekal tidak berubah.

Terima kasih atas sokongan berterusan anda.

Bank Islam Malaysia Berhad

IMPORTANT NOTICE

Revision of Profit Rates for Bank Islam Credit Card-i

Dear Valued Cardmember,

Please be informed that the profit rates applicable to your Bank Islam Credit Card-i will be revised **effective 1 August 2026 for new cardmembers** and **1 September 2026 for existing cardmembers**, as outlined below:

Category (Based on Cardmembers' Payment Record)	Current Profit Rate	Revised Profit Rate (Effective 1 August 2026 / 1 September 2026)
Tier 1: Minimum payments made on time for 12 consecutive months	13.5% p.a.	15.0% p.a.
Tier 2: Minimum payments made on time for 10 or 11 months within the last 12 months	16.0% p.a.	17.0% p.a.
Tier 3: Minimum payments made on time for 9 months or fewer within the last 12 months	17.5% p.a.	18.0% p.a.

NOTES:

- For existing cardmembers, the applicable profit rate will be determined based on their repayment performance over the preceding 12 months, specifically the number of months in which payments were made on time.
- To continue enjoying lower profit rates, cardmembers are encouraged to make their minimum payments on time and maintain at least 10 months of prompt payments within the last 12 months, which qualifies them for Tier 1 or Tier 2 rates.
- The tier classification criteria remain unchanged. This revision affects only the profit rate structure and does not impact the eligibility requirements for each tier.
- This revision is made in line with prevailing market conditions.
- All other Terms and Conditions remain unchanged.

Thank you for your continued support.

Bank Islam Malaysia Berhad